

Radius CIO

Edisi 4 Bilangan 1/2020

ISSN 2590-3640
9 772590 364008



THE
MALAYSIA
BOOK
of
RECORDS

UTeM Terima
Pengiktirafan
*The Malaysia Book
of Records*

The Unsung Hero

Norma Baharu PLH Pasca PKP

Web of Science (WOS) &
Journal Citation Report (JCR)

Pandemik COVID-19 : Mengubah
Lanskap Pemasaran Buku



@ UTeM



UTeM Entry IoT
Access Point System

MERENTAS
GEMPIA:
Pandemik 2020

20
ULANG TAHUN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
MENERAJU PENDIDIKAN TERNAKLIMA
2000 - 2020
JOM!

Sidang REDAKSI

Penaung	Encik Mohd Isa Mohd Dom
Penasihat	Ts. Dr. Abdul Syukor bin Mohamad Jaya Puan Norhazlena binti Sabtu Encik Azman bin Hj Ayup Ts. Dr. Siti Nurul Mahfuzah binti Mohamad
Ketua Editor Bersama	Dr. Ruziah binti Ali Puan Noornahar bte. Hj. Akashah
Editor	Encik Mohammad Dzulhisham bin Che Hassim Encik Mohd Hafizuddin bin Yusof
Pembaca Pruf	Puan Siti Zurah binti Mohd Nasir Puan Noraini binti Mohd Noor
Reka Letak & Reka Bentuk	Puan Hanisah binti Hamdzah Puan Suria binti Abdul Rahman
Urus Setia	Puan Jorafiza binti Juki

Kandungan

- 4 Best Practices of Managing Remote Workers 03
- Web of Science (WOS) & Journal Citation Report (JCR) 04
- UTeM Entry IoT Access Point System (e-tap) 07
- Memori Korporat: Menelusuri Kecemerlangan & Kegemilangan UTeM 08
- Pengurusan Denda Berkaitan Perkhidmatan Pinjaman Koleksi Perpustakaan di PLH, UTeM 11
- Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Menyumbang Kepada Peningkatan Penggunaan Pangkalan Data PLH 13
- Norma Baharu PLH Pasca PKP 14
- Penggunaan Aplikasi Teknologi Kumonikasi Dalam Kehidupan Norma Baharu 16
- Pandemik COVID-19 : Mengubah Lanskap Pemasaran Buku 17
- UTeM Terima Pengiktirafan The Malaysia Book of Records - "Longest Covid-19 Pandemic Poem" 19
- Aktiviti Sumbangan Bahan Bacaan Tingkatkan Koleksi PLH 20
- Merentas Gempita: Pandemik 2020 21
- Menangi Wang Tunai RM1,000 menerusi Pertandingan Video Deklamasi Puisi Merentas Gempita: Pandemik 2020 22
- Majlis Hi-Tea & Apresiasi Staf 2020 23
- Majlis Meraikan Kecemerlangan Prestasi Staf PLH 25
- The Unsung Hero 26
- Staf PLH dan PU Anjur Projek Teman Pili Bomba 27
- Mesyuarat Agung Tahunan LISTAC Sesi 2020/2022 28
- AGM KSCOM 2020-2022 29
- Clear Desk dan Clear Screen 30
- Tahniah – Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019
 - Pejabat Ketua Pegawai Maklumat
 - Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi
 - Perpustakaan Laman Hikmah
 - Penerbit Universiti
- Selamat Datang – Staf Baru 33
 - Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi
- Sekalung Budi – Pertukaran Penempatan
- 25 Kosa Kata Komputer Bahasa Inggeris yang Penting untuk Diketahui 34

Coretan Ketua Editor Bersama

Assalammualaikum, Salam Sejahtera dan
Salam 1 UTeM,

ALHAMDULILLAH SYUKUR KE HADRAT ILAHI.
SELAMAT MENERIMA KEHADIRAN TAHUN 2020

Kami di RADIUSCIO@UTeM menadah tangan dan memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah mengizinkan dan membenarkan kami mempertingkatkan lagi usaha menerbitkan RADIUSCIO@UTeM Bil. 1/2020.

Penerbitan kali ini meneruskan paparan sekitar aktiviti yang berlaku sepanjang bulan Januari hingga Julai 2020. RADIUSCIO@UTeM masih terus memperlihatkan berbagai aktiviti dan program dari setiap PTJ di

bawah tadbir urus Pejabat CIO, meliputi pejabat Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK), Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) dan Penerbit Universiti (PU). Penerbitan kali ini memaparkan aktiviti dan rencana sekitar isu semasa sekarang iaitu penularan pandemik COVID-19. Berbagai SOP baharu dilaksanakan dalam melaksanakan tugas dan operasi sehari-hari. Kami berharap apa yang dipaparkan buat warga UTeM dapat sama-sama dimanfaatkan.

Wassalam.

#KITAJAGAKITA
#STAYSAFE

4 BEST PRACTICES OF MANAGING REMOTE WORKERS

Article from Harvard Business Review - Ascend

Managing remote workers presents a number of unique challenges. Individuals' motivation can lag without being physically surrounded by like-minded people working towards a shared goal. And without the social interaction that's a normal part of any office, workers can become detached from the team and morale can suffer. But by understanding that managing remote workers requires a distinct approach, you can build a rewarding relationship with your team.

Here are four (4) things you should do when managing remote workers:

1. Define targets

Remote workers can particularly benefit from having clear targets. Work with them to set monthly, quarterly, and yearly performance goals as well as a view of what outstanding performance would be. Check in with them regularly to discuss progress toward the targets and whether any adjustments need to be made.

2. Create open lines of communication

An important missing element of remote work relationships is spontaneous interaction. Just about every piece of communication has to be typed and sent or vocalized during a virtual meeting. Because of this, you have to be deliberate in order to create and maintain open lines of communication. Schedule regular check-in calls with team members where, in addition to delivering your updates, you also give them sufficient time to introduce any topics they want to go over.

In addition to individual meetings, you should also hold regular team meetings, which gives people the opportunity to see all of their colleagues in the same setting. Share an agenda for the meeting in advance and invite people to add things to the agenda they want to discuss.

3. Respect small talk

Socialization is a big missing element of the remote work experience. This leads to weaker team bonds and less happy workers if left unaddressed. Devote the first couple minutes of both 1-on-1 and group meetings to reconnecting, chatting as you would if you were making conversation in the office. You might be tempted to skip this step if you have a particularly full agenda, but for remote workers this step is critically important and you should be wary of neglecting it.

4. Acknowledge good work

You'll probably never see remote workers actually working—you'll just see the results. This creates the risk that you don't appreciate when an employee is working extraordinarily hard or comes up with a brilliant solution to a problem. This can disincentivize their attempts to go above and beyond and ultimately hurt your team's productivity. To counteract this, try to pay close attention to the quality of their work and ask them questions about their process. When you think that someone has done a great job, share praise in front of the entire team, which can be highly motivating as it shows that great work will still be recognized across a remote team.

This article is adapted from "How to Manage Remote Direct Reports," by Rebecca Knight.



WEB OF SCIENCE (WOS) & JOURNAL CITATION REPORT (JCR)

By: Mohd Mawardi Badruddin

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) has subscribed two new online databases in 2020. These new online databases are Web of Science (WOS) and Journal Citation Report (JCR). The purpose of subscription is to encourage and assist the Academic Staffs, Researchers and Students to strengthen their publications.



WEB OF SCIENCE (WoS)

Web of Science™ is the world's most trusted publisher-independent global citation database. Guided by the legacy of Dr. Eugene Garfield, inventor of the world's first citation index, Web of Science is the most powerful research engine, delivering library with best-in-class publication and citation data for confident discovery, access and assessment.

Web of Science's multidisciplinary platform connects regional, specialty, data and patent indexes to the Web of Science Core Collection™. The comprehensive platform allows you to track ideas across disciplines and time from over 1.7 billion cited references from over 159 million records.

Over 9,000 leading academic, corporate and government institutions and millions of researchers trust Web of Science to produce high-quality research, gain insights and make more-informed decisions that guide the future of their institution and research strategy.

Web of Science data

Web of Science Core Collection content is uniquely selective and indexing is uniquely consistent. Independent and thorough editorial process ensures journal quality, while more than 50 years of consistent, accurate and complete indexing has created an unparalleled data structure.

Every article and all cited references from every journal have been indexed, creating the most comprehensive and complete citation network to power both confident discovery and trusted assessment. Only the Web of Science Core Collection indexes every piece of content cover-to-cover, creating a complete and certain view of over 115 years of the highest-quality research.

1 The world's original citation index

Web of Science Core Collection provides cover-to-cover indexing back to 1900 across the world's highest quality and most impactful publications.

2 Publisher-neutral curated quality

A robust evaluation and curation process by a team of expert in-house editors, carefully selecting content for quality and impact.

3 The definitive resource for trusted open access content

Confidently discover and access millions of gold and green versioned open access articles.

4 Unmatched data quality and citation linking

We capture, index and link every piece of metadata for all items in the Web of Science Core Collection.

5 Expansive multidisciplinary discovery

Connecting research across the sciences, social sciences, arts and humanities from journals, books and conference proceedings.

Introducing
Web of Science
Journal Citation Reports
2020



Clarivate Web of Science™

Web of Science Core Collection

A curated collection, Web of Science Core Collection contains over 21,100 peer-reviewed, high-quality scholarly journals published worldwide (including Open Access journals) in over 250 sciences, social sciences, and arts & humanities disciplines. Conference proceedings and book data are also available.

1) Science Citation Index Expanded (SCIE)

Search across over 9,200 of the world's most impactful journals across 178 scientific disciplines. More than 53 million records and 1.18 billion cited references date back from 1900 to present.

2) Social Sciences Citation Index (SSCI)

Search across over 3,400 of the world's most impactful journals across 58 social sciences disciplines. More than 9 million records and 122 million cited references date back from 1900 to present.

3) Arts & Humanities Citation Index (AHCI)

Search across over 1,800 of the world's most impactful journals across 28 arts & humanities disciplines. More than 4.9 million records and 33 million cited references date back from 1975 to present.

4) Emerging Sources Citation Index (ESCI)

Search across over 7,800 of the world's highest-quality journals across 254 disciplines. More than 3 million records and 74 million cited references date back from 2005 to present.

5) Book Citation Index (BKCI)

Discover over 104,500 editorially selected books with 10,000 new books added each year. More than 53 million cited references date back from 2005 to present.


6) Conference Proceedings Citation Index (CPCI)

This multidisciplinary index is the fastest way to gain access to cutting edge, impactful research derived from over 205,000 conference proceedings. More than 70 million cited references date back from 1990 to present.

The screenshot shows the Web of Science search interface. At the top, there is a navigation bar with links for 'Web of Science', 'InCites', 'Journal Citation Reports', 'Essential Science Indicators', 'EndNote', 'Publons', 'Kopernio', and 'Master Journal List'. On the right side of the top bar are 'Sign In', 'Help', and language selection ('English'). Below the top bar, the main header reads 'Web of Science' and 'اونلاین پرسنیتی تکنیکال مالزی' (Universiti Teknikal Malaysia Melaka). The main search area features a 'Select a database' dropdown set to 'Web of Science Core Collection'. Below it are four search modes: 'Basic Search' (selected), 'Author Search' (BETA), 'Cited Reference Search', and 'Advanced Search'. A search bar contains the query 'Example: oil spill* mediterranean'. To the right of the search bar are 'Topic' and 'Search' buttons, and links for 'Search tips', '+Add row', and 'Reset'. Underneath the search bar is a 'Timespan' dropdown set to 'All years (1970 - 2020)' and a 'More settings' link. At the bottom of the search interface, the text 'Universiti Teknikal Malaysia Melaka UTeM' and the Clarivate Analytics logo are visible.



Journal Citation Reports



JOURNAL CITATION REPORT (JCR)

Journal Citation Reports™ (JCR) provides you with the transparent, publisher-neutral data and statistics you need to make confident decisions in today's evolving scholarly publishing landscape, whether you're submitting your first manuscript or managing a portfolio of thousands of publications.

Quickly understand a journal's role within and influence upon the global research community by exploring a rich array of citation metrics, including the Journal Impact Factor™ (JIF), alongside descriptive data about a journal's open access content and contributing authors.

3) Quality control

Web of Science™ monitors and excludes journals that demonstrate predatory behavior; journals in Journal Citation Reports are subject to additional analysis to detect abnormal citation activity. Journals displaying evidence of excessive self-citation and citation stacking are suppressed from Journal Citation Reports to ensure the integrity of the reports.

4) Transparency

Offering you far more than just a number, Journal Citation Reports journal profiles summarize a journal's place in the network of scholarly communications so that you can make better informed, confident decisions. View the relationship between article and journal citations with visualizations and linked data alongside descriptive open access statistics to understand the relative contribution of open access articles to a journal's overall volume of content and citations.

Using the Journal Impact Factor wisely

Specialty of Journal Citation Report

1) Objectivity

In order to make good decisions, you need information that you can trust. Journal Citation Reports is the only journal report of its kind produced by publisher-neutral experts, providing you with unbiased journal statistics trusted by over 9,000 institutions worldwide. Journal Citation Reports journal profiles aggregate publication and citation data sourced from the Web of Science Core Collection™, the world's original citation index for scientific and scholarly research.

2) Selectivity

Researching which journals to submit or subscribe to can be time consuming. Each journal profiled in the Journal Citation Reports has met the rigorous impact and quality standards documented in the Web of Science Core Collection editorial selection process—only the journals indexed in the Science Citation Index Expanded™ (SCIE) and Social Sciences Citation Index™ (SSCI) are included—so that you can quickly find a list of the most influential journals in the sciences and social sciences.

Web of Science does not depend on the Journal Impact Factor alone in assessing the usefulness of a journal, and neither should anyone else. The Journal Impact Factor should not be used without careful attention to the many phenomena that influence citation rates – for example the average number of references cited in the average article. The Journal Impact Factor should be used with informed peer review. In the case of academic evaluation for tenure, it is sometimes inappropriate to use the impact of the source journal to estimate the expected frequency of a recently published article. Again, the Journal Impact Factor should be used with informed peer review. Citation frequencies for individual articles are quite varied.

Journal Citation Reports now includes more article-level data to provide a clearer understanding of the reciprocal relationship between the article and the journal. This level of transparency allows you to not only see the data, but also see through the data to a more nuanced consideration of journal value.

Sources from <https://clarivate.com/webofsciencegroup/solutions/web-of-science/> and <https://clarivate.com/webofsciencegroup/solutions/journal-citation-reports/>

UTeM Entry IoT Access Point System (e-TAP)

Oleh : Hayani Abu Yamin & Norleen Azam

UTeM Entry IoT Access Point System atau ringkasnya e-TAP adalah sistem yang dibangunkan oleh Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) dalam membantu UTeM bagi melancarkan kawalan pergerakan keluar dan masuk individu ke kampus UTeM sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Inisiatif ini adalah cetusan daripada hasrat pihak Pengurusan Universiti dalam menyediakan suatu kaedah berteraskan IT untuk melancarkan pergerakan dan pemantauan keluar dan masuk individu ke dalam kampus UTeM. Usaha ini dilihat perlu dalam menyokong saranan kerajaan untuk membendung wabak COVID-19 yang sedang melanda negara daripada terus merebak dan memastikan hanya individu yang benar-benar sihat sahaja dibenarkan masuk ke kampus UTeM.

Diawal pelaksanaannya, ianya memberi fokus kepada kawalan pergerakan keluar dan masuk staf UTeM sahaja. Namun berdasarkan keperluan semasa, pelaksanaan e-TAP telah diperluaskan penggunaannya kepada pelajar pra-siswazah, pelajar pasca-siswazah, pelawat serta pekerja bukan staf mengikut keperluan tugas masing-masing.

Dilihat daripada sudut proses dan pelaksanaan sistem, setiap individu yang ingin memasuki kampus UTeM perlu membuat saringan deklarasi kesihatan (health declaration) secara dalam talian. Seterusnya setiap individu perlu membuat permohonan kemasukan ke UTeM menerusi portal Sistem Maklumat Universiti dan permohonan perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) atau Pihak Berkusa Universiti (PBU) masing-masing. Kedua-dua maklumat ini akan diproses dan kemudian akan memberikan *output* atau keputusan sama ada individu tersebut dibenarkan untuk memasuki kampus UTeM atau sebaliknya. Keputusan yang dipaparkan di dalam sistem akan ditentukan dengan tiga warna iaitu hijau, kuning dan merah. Hanya individu yang mendapat keputusan warna hijau sahaja

yang akan dibenarkan untuk masuk ke dalam kampus UTeM. Sehubungan itu setiap individu boleh membuat semakan secara harian sebelum hadir ke kampus UTeM. Individu hanya perlu memaparkan skrin telefon kepada pihak keselamatan yang bertugas di Pos Keselamatan UTeM sebelum dibenarkan masuk ke kampus UTeM.

Sistem e-TAP juga turut diperluaskan penggunaannya bagi tujuan staf memohon kebenaran solat Jumaat di Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM. Setiap staf perlu memohon melalui portal Sistem Maklumat Universiti dan kelulusan akan dibuat oleh pegawai yang diberi kuasa. Kawalan dan jumlah kehadiran adalah selaras dengan standard operating procedure (SOP) dan arahan-arahan yang digariskan.

Sistem e-TAP yang dibangunkan ini, telah memberi impak yang signifikan terhadap kelancaran pengoperasian harian dalam mengawal pergerakan keluar dan masuk ke kampus UTeM. Menerusi sistem e-TAP ini juga, pemantauan dapat dilakukan dengan lebih efisien dan efektif.

Sekalung penghargaan kepada semua pihak yang telah bekerjasama dalam memberi input dan idea sepanjang proses pembangunan sistem sehingga pelaksanaannya.

Memori Korporat

MENELUSURI KECEMERLANGAN & KEGEMILANGAN UTeM

Oleh: Nurul Akmar Mehat & Rasida Abu Bakar

Tanggal 28 Mei 2019, Perpustakaan Laman Hikmah melakar sejarah apabila Unit Memori Korporat ditubuhkan secara rasminya. Penubuhannya telah diluluskan dalam Mesyuarat Eksekutif UTeM Bil. 6/2019 pada 16 Julai 2019. Unit ini diketuai oleh Puan Nurul Akmar Mehat dan dibantu dengan tiga orang staf.

Tujuan utama penubuhan Unit Memori Korporat ini adalah untuk mengumpul, memelihara dan menyebar semua maklumat dan informasi yang bernilai sejarah dan simbolisme kepada UTeM dalam satu pusat sehenti yang boleh diakses secara maya dan pada bila-bila masa. Kewujudan Galeri Digital ini merupakan pusat rujukan kepada semua warga UTeM khususnya dan masyarakat sekeliling secara amnya dalam memahami dan mendapatkan maklumat tentang susur galur kecemerlangan dan kegemilangan UTeM.

Dengan penubuhan Unit Memori Korporat ini, semua koleksi artifak dan khazanah yang merupakan cerminan kepada segala usaha, sumbangan bakti dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh pelbagai pihak dan individu sejak penubuhan UTeM pada 1 Disember 2000 dalam merealisasikan pembangunan Universiti, dapat dipelihara dan diuruskan dengan teratur dan sistematis.

The banner features a film strip graphic at the top right containing several small images related to UTeM's history and achievements. At the top left, there is a circular seal or logo. The main text reads:

PERKONGSIAN BAHAN
Memori Korporat

Pengumpulan, pemeliharaan dan penyebaran semula maklumat yang bernilai sejarah dan simbolisme kepada UTeM sebagai pusat rujukan dalam bentuk digital yang boleh diakses secara maya.

Bahan Penerbitan | Gambar | Video | Cenderahati
Bahan Berlogo UTeM atau KUTKM | Replika | Keratan Akhbar

PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

Penyerahan Bahan,Sila Hubungi:
Unit Memori Korporat,PLH
Pn. Nurul Akmar binti Mehat (06 - 270 1211)
En. Ahmad Tarmizi bin Abdul Hadi (06 - 270 1284)
Email: memorikorporat@utem.edu.my

"Di sini Segala Bermula..."

At the bottom left, there are social media icons for Facebook, Twitter, Instagram, YouTube, and WordPress. The number '8' is located in the bottom left corner of the page.

AKTIVITI UNIT MEMORI KORPORAT SEMPENA 20 TAHUN UTeM

Antara aktiviti utama Unit Memori Korporat pada tahun 2020 adalah seperti artikel Laman Memori Korporat, 1 Gambar 1000 Makna, reruai dan pameran Laman Memori Korporat, video dokumentari, buku mewah, *flip book* sempena 20 tahun UTeM.

Laman Memori Korporat: Menelusuri Kecemerlangan & Kegemilangan UTeM

'PENGISYIHKARAN PELANTIKAN CANSELOR DAN MAJLIS KONVOKESYEN PERTAMA KUTKM'

#perpustakaanlamanhikmah

perpustakaan_laman_hikmah

Menelusuri KECEMERLANGAN & KEGEMILANGAN UTeM

1 Gambar, 1000 Makna

Upacara Pelepasan Terhad Kampus Tepat Kolej Universiti Teknikal kebangsaan Melayale (KUTKM) disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Utama Dr. Mahathir bin Mohamad di Bukit Senandung I dan II dalam Mukim Durian Tengah pada Jumaat, 22 Januari 2002. Upacara dilangsungkan ini turut dihadiri oleh Ketua Menteri Melaka pada ketika itu, Dato' Seri Dr. Mohd Ali bin Mohd Rustam dan seuruh warga kompas yang berkumpul di tapak pembinaan kampus tetap KUTKM bagi menyaksikan upacara bersejarah tersebut.

Unit Memori Korporat, Seksyen Reposisi Perpustakaan Laman Hikmah, Universiti Teknikal Melayale | Tel: +606- 270 1211
Email: memorikorporat@utem.edu.my

(Bil.2/2020)

PAMERAN BAHAN MEMORI KORPORAT SEMPENA 20 TAHUN UTeM @ DEWAN CANSELOR

Tanggal 14 Februari 2020, berlangsungnya Majlis Sambutan 20 Tahun UTeM dan Majlis Perutusan Naib Canselor 2020 yang bertemakan Menjuarai Teknologi, Merealisasi Aspirasi telah diadakan di Dewan Canselor UTeM. Sempena dengan sambutan tersebut, Unit Memori Korporat telah mengambil inisiatif mengadakan pameran bahan-bahan memori korporat yang telah dikumpul sama ada secara digital maupun fizikal. Bahan-bahan yang dipamerkan antaranya adalah baju korporat pelajar yang dicetak dengan logo pertama KUTKM, ‘*badge*’ KUTKM, koleksi album-album lama sumbangan Alumni UTeM, gambar-gambar lama KUTKM daripada koleksi jurufoto UTeM, cenderahati KUTKM dan pelbagai lagi barang-barang fizikal yang telah dipamerkan di perkarangan Dewan Canselor.

Turut dipamerkan adalah video gambar-gambar lama yang ditayangkan menerusi skrin monitor. Gambar-gambar tersebut adalah sumbangan daripada staf dan Alumni UTeM serta daripada koleksi Galeri UTeM. Gambar-gambar daripada staf-staf UTeM yang telah bersara dan Alumni UTeM diperolehi hasil daripada sesi lawatan serta sesi temubual yang telah dijalankan oleh Unit Memori Korporat. Semua koleksi bahan yang telah diperolehi akan dikumpul dan didigitalkan untuk dimuatnaik ke dalam satu platform yang akan dapat diakses oleh semua warga UTeM khususnya dan masyarakat sekitar amnya secara atas talian.



Profesor Datuk Ir. Ts. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor dan Profesor Datuk Dr. Md. Taib bin Dora melawat reruui pameran



Profesor Datuk Wira Dr. Raha binti Abdul Rahim dan Encik Mohd Isa bin Mohd Dom bersama pegawai-pegawai kanan melawat reruui pameran



Tenaga Penggerak Unit Memori Korporat



Encik Mohd Isa bin Mohd sedang menerangkan fungsi dan objektif pengumpulan bahan memori korporat kepada Profesor Datuk Wira Dr. Raha binti Abdul Rahim dan pegawai-pegawai kanan UTeM

PENGURUSAN DENDA BERKAITAN PERKHIDMATAN PINJAMAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN DI PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH, UTeM

Oleh Azman Hj. Ayup & Harulrizam Mohamed

Perpustakaan Laman Hikmah UTeM (PLH) sebelum ini dikenali sebagai Perpustakaan KUTKM telah mula memberikan perkhidmatan kepada warga kampus pada 10 Jun 2001 sempena pendaftaran pelajar perintis KUTKM di Kampus Sementara di Taman Tasek Utama, Ayer Keroh, Melaka. Mulai tarikh tersebut perpustakaan telah mengenakan denda kepada pengguna yang ingkar peraturan pinjaman bahan seperti lewat pemulangan bahan dan juga bahan rosak atau hilang semasa dalam pinjaman pengguna.

Tujuan denda berkaitan perkhidmatan pinjaman koleksi Perpustakaan ini dikenakan adalah untuk mengingatkan para pengguna mengenai tanggungjawab untuk memulangkan bahan pada waktunya. Di samping itu ia bertujuan memberi kesedaran kepada para pengguna bahawa koleksi perpustakaan adalah milik bersama yang harus dijaga dengan baik.



Terdapat 3 jenis denda dikenakan kepada pengguna:

1

Denda lewat

Denda lewat ialah denda yang dikenakan mengikut jumlah bahan yang dipinjam dan jumlah hari lewat pemulangan tidak termasuk hari cuti umum. Kadar denda adalah tertakluk kepada kadar yang diputuskan oleh pengurusan universiti.

3

Denda sewaan lokar

Denda sewaan lokar ialah denda lewat yang terbit daripada sewaan lokar. Ia melibatkan denda lewat pemulangan kunci lokar, penanda kunci dan kunci hilang ketika dalam sewaan pengguna.

2

Denda kehilangan atau kerosakan bahan

Bagi denda kehilangan bahan, pengguna perlu menggantikan bahan edisi terkini dan kadar yuran prosesan bahan sejumlah RM25.00 akan dikecualikan atau pengguna juga boleh membayar harga buku edisi terkini berserta dengan yuran prosesan sejumlah RM25.00. Jika harga bahan sukar diperolehi disebabkan bahan tidak diterbitkan lagi di pasaran maka pengguna akan dicaj sejumlah RM40.00 bagi bahan-bahan terbitan tempatan manakala bahan terbitan luar negara akan dicaj sebanyak RM150.00 berserta yuran prosesan.

Pada tahun 2017, PLH telah memohon semakan semula kadar denda kepada pengurusan universiti bagi tujuan memperkemaskan prosedur dendaan kepada pengguna yang ingkar membayar denda tertunggak. Hasilnya dua surat edaran diterbitkan iaitu Surat Edaran Pentadbiran Bilangan 33 Tahun 2017 berkenaan kaedah penyelesaian tunggakan bagi denda dan kos penggantian bahan hilang di PLH dan Surat Edaran Pentadbiran Bilangan 2 Tahun 2018 iaitu makluman kadar denda pemulangan lewat bahan pinjaman, kehilangan kunci dan penanda kunci lokar.

Berikut adalah kadar denda terkini yang diputuskan oleh pengurusan universiti:

Jadual 1: Kadar Dendaan Lewat Pemulangan Bahan Pinjaman mengikut Jenis Koleksi Perpustakaan

Bil.	Jenis Koleksi	Kadar Denda
1.	Bahan Pinjaman Rak Terbuka	RM 0.50 sehari
2.	Bahan Rujukan (Koleksi UTeM)	RM 0.50 sejam
3.	Bahan Buku Tanda Merah	RM 1.00 sehari
4.	Bahan Rujukan (Umum)	RM 1.00 sehari
5.	Bahan Jurnal (Jilid dan Isu Semasa)	RM 1.00 sehari
6.	Bahan Media	RM 1.00 sehari

Mulai tahun 2019 dalam menyokong persekitaran tanpa tunai (cashless) di UTeM, kaedah pembayaran denda dibuat menggunakan kad debit di Kaunter Perpustakaan di PLH Kampus Induk dan Kampus Teknologi.

Sebarang permohonan untuk pengurangan jumlah denda yang dikenakan adalah tidak dibenarkan melainkan mendapat kelulusan Naib Canselor;

Selain kadar denda yang tertera di atas, bayaran denda perkhidmatan lain seperti bayaran denda asrama juga boleh dibuat di pusat sehenti (One Stop Centre) di kaunter perpustakaan.

Berdasarkan Surat Edaran Pentadbiran Bil.2/2018 – Kaedah Penyelesaian Tunggakan Bagi Denda dan Kos Penggantian Bahan Hilang Perpustakaan Laman Hikmah UTeM memperuntukkan:

- Tiga (3) Notis Peringatan akan dihantar kepada e-mel rasmi staf dan pelajar secara automatik melalui sistem perpustakaan
- Notis keempat iaitu Surat Pemulangan Lewat Bahan Perpustakaan akan dikeluarkan secara bertulis dan dihantar ke alamat kediaman atau tempat kerja staf atau pelajar
- Notis kelima iaitu Surat Tuntutan Bayaran Tunggakan Denda dan Penggantian Bahan Hilang Perpustakaan akan dikeluarkan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang untuk menjelaskan hutang tertunggak dalam tempoh 14 hari
- Sekiranya masih tidak menjelaskan hutang tertunggak, yindakan tegas akan diambil:
 - Bagi pelajar yang masih aktif, Arahan Gantung Pendaftaran Subjek akan dikenakan semasa minggu pendaftaran semester
 - Bagi para pelajar yang telah tamat pengajian, proses konvokesyen dan pengambilan transkrip akan ditahan
 - ▶ Senarai nama pelajar yang akan bergraduat tetapi mempunyai denda Perpustakaan akan dihantar kepada Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) serta Pusat Pengajaran Siswa Zah (PPS) dan pihak Bendahari
 - ▶ Skrol ijazah pelajar tersebut akan ditahan sehingga bayaran denda dibuat kepada pihak Bendahari

Jadual 2: Kadar Sewaan dan Denda Lokar

Bil.	Jenis Bayaran	Kadar Bayaran/Denda
1.	Sewaan Lokar Besar	RM 10.00 semester
2.	Sewaan Lokar Kecil	RM 6.00 semester
3.	Lewat Pemulangan Kunci	RM 0.50 sehari
4.	Penanda Kunci Hilang	RM 5.00
5.	Kunci Hilang	RM 15.00

- Sekiranya staf masih tidak menjelaskan hutang tertunggak, Surat Arahan Pemotongan Gaji akan dikeluarkan oleh PLH kepada Pejabat Bendahari untuk proses pemotongan gaji
 - ▶ Staf yang tidak memulangkan bahan pinjaman dan denda terkumpul yang tidak dibayar oleh staf, surat peringatan pertama, kedua dan ketiga akan dihantar
 - ▶ Sekiranya masih tiada maklum balas dari staf tersebut, senarai nama mereka akan dibawa ke Pejabat Penasihat Undang-undang (PUU) untuk kebenaran membuat potongan gaji
 - ▶ Maklumat berkaitan denda berkenaan akan dihantar kepada pihak Bendahari untuk tujuan pemotongan gaji setelah diluluskan oleh PUU.
- Bagi staf yang telah berhenti dari UTeM tetapi masih mempunyai denda tertunggak atau masih belum memulangkan bahan pinjaman, surat tuntutan akan dihantar ke alamat rumah mereka
 - ▶ Sesalinan surat kepada pihak Bendahari untuk tujuan rekod kewangan
 - ▶ Bahan yang tidak dipulangkan akan dianggap sebagai bahan hilang
 - ▶ Senarai bahan yang hilang akan dihantar kepada
 - ▶ Bahagian Pengurusan Sumber (BPS), PLH untuk dibuat belian semula

Semua urusan pembayaran denda hendaklah dibuat di Kaunter Sirkulasi PLH kecuali bagi pelajar yang telah ditahan skrol ijazah mereka. Pelajar ini dikehendaki membayar denda di Kaunter Bayaran Pejabat Bendahari.

Semua pengguna PLH yang berdaftar adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa ini.

Sebarang pertanyaan berkaitan denda boleh dimajukan kepada Seksyen Sirkulasi, Bahagian Perkhidmatan Maklumat, PLH di talian 606-270 1200 atau melalui e-mel lanmanhikmah@utm.edu.my.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Menyumbang Kepada Peningkatan Penggunaan Pangkalan Data


Perpustakaan Laman Hikmah (PLH)

Disediakan Oleh : Seksyen Sumber Elektronik, Bahagian Pembangunan Sumber, PLH

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) berperanan sebagai pusat maklumat dengan penyediaan sumber rujukan dan persekitaran pembelajaran yang berkualiti, relevan, efisien dan kondusif. Antara perkhidmatan utama yang disediakan adalah pengaksesan pangkalan data atas talian (PDAT) dalam menyokong aktiviti pengajaran & pembelajaran, penyelidikan dan perundingan di Universiti.

Berdasarkan statistik penggunaan pangkalan data PLH pada bulan Januari hingga Mei 2020, mencatatkan 64,780 penggunaan berbanding 42,579 penggunaan dalam tempoh yang sama pada tahun 2019. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 22,201 penggunaan atau 52%. Pada tempoh tersebut tiga (3) pangkalan data yang merekodkan penggunaan tertinggi ialah pangkalan data Emerald Insight, Knovel dan ProQuest Ebook Central.

Sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 hingga Mei 2020 telah memberikan impak positif kepada jumlah penggunaan pangkalan data seperti berikut :-



Peningkatan bilangan penggunaan pangkalan data ini adalah berkat usaha berterusan PLH dalam memastikan ketersediaan perkhidmatan pangkalan data dengan meningkatkan kerjasama dengan pembekal / penerbit, mempergiatkan aktiviti promosi dan penyediaan rangkaian Internet yang stabil oleh PPPK serta kerjasama baik dengan Fakulti / PTj di UTeM.

Norma Baharu PLH Pasca PKP

oleh Siti Saluwa Jamal

Pandemik COVID-19 telah mengubah banyak perkara dari segi penjagaan kesihatan dan amalan hidup sehari-hari masyarakat di seluruh dunia. Malaysia tidak terkecuali daripada terkesan dengan ancaman COVID-19 ini, malahan pernah mencatat sebagai negara Asia Tenggara tertinggi yang dijangkiti ketika awal tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 iaitu sekitar 17 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020. Ia merupakan satu sejarah besar dalam negara serta telah mengubah lanskap pelbagai sektor antaranya ekonomi, kewangan, pendidikan dan keselamatan di negara ini.

Berikut itu, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) ditutup sementara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Sepanjang tempoh tersebut PLH hanya beroperasi secara maya kepada pengguna dengan fokus utama kepada akses pangkalan data dalam talian dan bantuan rujukan yang lain. Namun begitu, PLH Kampus Induk telah kembali beroperasi pada 9 Jun 2020 iaitu sehari awal ketika bermulanya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 10 Jun sehingga 31 Ogos 2020.

Seiring dengan pembukaan semula operasi, PLH telah melaksanakan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pasca PKP yang menerapkan norma baharu ke atas penjagaan keselamatan dan kesihatan pengguna. Sementara waktu ini, PLH Kampus Teknologi ditutup sehingga ada keperluan pengoperasian apabila kemasukan pelajar pada kapasiti yang lebih besar kelak.



Bagi memenuhi keperluan norma baharu ini, PLH telah membuat pelbagai persediaan antaranya menyediakan *signage*, poster, menanda garisan jarak sosial pada meja, kerusi, lif, kaunter, bilik dan ruang pengguna. Ini bagi memastikan arahan penjarakan sosial dipatuhi dan keselamatan pengguna di PLH terjamin.

Atas kepentingan keselamatan, kesemua ruang, peralatan dan kemudahan pengguna dibersihkan setiap hari dan buku-buku yang dipulangkan akan dikuarantin selama 24 jam sebelum ditempatkan semula di rak asal. Proses ini dilaksanakan sebagai satu proses penyahkuman bagi mengelakkan sebarang jangkitan yang berpunca daripada sentuhan.

Ketika ini, para pengguna yang terdiri daripada pelajar pra siswazah, pasca siswazah, staf akademik dan staf pentadbiran telah mula menggunakan perkhidmatan PLH walaupun dengan jumlah kunjungan yang minim. Ini adalah kerana kemasukan pelajar ke kampus adalah secara berperingkat mengikut ketetapan Universiti. Berdasarkan pemerhatian, semua pengguna yang hadir ke PLH mematuhi SOP yang ditetapkan dan perkhidmatan berjalan dengan lancar.

A promotional flyer for a Turnitin training session. The top half features the UTeM logo and the text "turnitin TURNITIN TRAINING". Below this, the event details are listed: "25 JUNE 2020 | THURSDAY", "2.30 PM - 4.30 PM", "BY MR. MAZLAN ABD LATIF", and "PLATFORM : WEBEX". The bottom left contains a QR code with the text "SCAN THE BARCODE" above it, and links to register via a Bitly link or by scanning the barcode. The bottom right provides contact information for Miss Nor Ilyah Othman at 06-2701239, along with the UTeM footer.

What is Turnitin

- Turnitin is an educational tool that allows educators to check for the authenticity of students' work.
- Founded in 1994 by Turnitin LLC, US
- Over 30 million students at 15,000 institutions in 150 countries

- An internet based service (Web-based)

- Turnitin offers the following tools:-

Originality Check GradeMark

Bilik Teleconferencing, Bilik Bestari dan Bilik Latihan dibuka berdasarkan kapasiti yang ditetapkan

Kelas Literasi Maklumat dan latihan/demo pangkalan data dijalankan secara dalam talian

Ramai juga pengguna yang mengambil peluang sempena pembukaan semula PLH ini untuk segera memulangkan buku-buku dalam pinjaman semasa sebelum PKP.

Dengan norma baharu ini juga, PLH telah meneroka peluang baharu dengan merancang dan mengadakan pelbagai aktiviti perkhidmatan menggunakan medium dalam talian. Sebagai contoh Program Literasi Maklumat telah diadakan bermula Mei 2020 menggunakan aplikasi Webex Meetings. Latihan pangkalan data Turnitin dan Proquest juga telah menggunakan aplikasi yang sama. Ini telah memberi variasi kepada bentuk perkhidmatan sedia ada dan merupakan sesuatu yang positif untuk diterokai sesuai dengan kecanggihan teknologi masa kini.

Justeru dalam usaha mengawal penularan pandemik COVID-19, PLH akan segera mengadaptasi norma baharu agar menjadi kebiasaan serta pada masa yang sama akan terus memastikan perkhidmatan PLH berada di tahap yang terbaik serta memenuhi kepuasan pengguna.

Norma baharu ketika masuk dan sepanjang berada di PLH :

- Mengambil suhu badan pengguna yang masuk menggunakan peralatan kamera pengesan suhu



Merekod butiran pengguna



Thermal Imager



Memakai pelitup muka

Mensanitasi tangan atau sering menbasuh tangan dengan air dan sabun



Mematuhi penjarakan sosial – 1 meter



Penggunaan Aplikasi Teknologi Komunikasi Dalam Kehidupan Norma Baharu

Oleh: Noornahar Akashah

Peranan dan penggunaan teknologi komunikasi kini semakin rancak mencorak kehidupan kita kini dan sejak dunia dan Malaysia dilanda pandemik COVID-19, corak kehidupan kita telah berubah sama sekali.

Kebiasaannya kita lebih selesa dengan pertemuan secara bersemuka dan bersalaman, namun dalam sekelix mata sahaja ianya berubah 360 darjah, apabila Perdana Menteri mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020.

Tidak pernah langsung terlintas di minda kita, norma baharu ini berlaku. Kita diperkenalkan cara baharu, tiada bersalaman,kekalkan jarak dan memakai pelitup muka. Kita disarankan untuk bekerja dari rumah dalam semua urusan harian. Melibatkan semua peringkat masyarakat.

Pengajaran dan pembelajaran secara atas talian mulai dilaksanakan sepenuhnya. Teknologi pengajaran yang sebelum ini digunakan secara tidak sepenuhnya, kini konsep capaian internet, keupayaan mengakses, kepelbagai media, ketertarikan bahan dan keupayaan pelajar menerima maklumat pengajaran melalui teknologi telah dilaksanakan seoptimumnya seperti medium *Online Learning*. Namun masih terdapat kerisauan dan kebimbangan. Maka itu pensyarah, guru, cikgu dan sebagainya harus mempunyai motivasi dalaman yang tinggi dalam mengejar dan melengkапkan kemahiran pada penggunaan teknologi yang ada atau yang masih baharu seperti penggunaan Zoom, Webex, Google Classroom dan pelbagai platform media terkini yang boleh diaplikasikan.

Melalui teknologi ini secara amnya, proses mereka bentuk dokumen pengajaran, proses mereka letak audio/visual menjadi lebih berkesan dan proses penilaian kursus juga di bawah kendalian tenaga pengajar ini. Tiada lagi alasan "... tidak pandai...." atau "...tak jumpa murid...." kerana perubahan sikap perlu berlaku bagi memungkinkan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung sepanjang tempoh persekolahan atau pengkuliahian.

Perubahan sikap seterusnya jelas apabila perubahan proses sosial dalam proses bekerja dari rumah seperti pengurusan mesyuarat di semua peringkat telah dijalankan secara ringkas dan padat. Jika dahulunya, mesyuarat secara bersemuka menjadi platform utama digunakan, namun PKP memungkinkan segalanya perlu dilaksanakan menggunakan kaedah baharu – perhubungan secara atas talian, pertemuan secara maya. Faktor masa dan kandungan mesyuarat menjadi lebih terarah dan bersasar selepas peralihan dari medium secara bersemuka kepada penggunaan teknologi komunikasi.

Ini menunjukkan perkembangan kaedah mesyuarat secara atas talian lebih berkualiti, tersusun dalam tertib dan terarah. Bercakap hanya yang perlu dalam talian adalah perkara asas yang dipertimbangkan oleh ahli mesyuarat memandangkan kualiti masa dan kualiti kandungan perbincangan. Urusan bekerja dari rumah sebenarnya melihat impak yang besar dalam proses sosial masyarakat.

Komunikasi adalah asas kepada perhubungan dan perkongsian makna. Komunikasi secara atas talian seperti WhatsApp, Instagram, Facebook, Telegram dan sebagainya akhirnya membuktikan signifikan kewujudan mereka dalam mengurangkan tekanan. Kita masih boleh berinteraksi, bertanya khabar, bercerita, berkongsi pendapat dan pelbagai interaksi melalui dalam talian. Jika sebelum ini ada yang memilih untuk keluar dari *group WhatsApp* tertentu kerana dianggap sebagai gangguan privasi, namun PKP mengajar erti kesunyian dan memerlukan mesej interaksi sosial sebagai mengisi kekosongan berkenaan.

Penerangan menggunakan infografik adalah medium menarik yang dilihat telah digunakan sepanjang PKP berlangsung. Penerangan ringkas berserta grafik sebenarnya telah membantu dan memungkinkan pemahaman penerima secara lebih cepat dan tepat. Namun, perhatian kepada infografik ini perlu dilihat dari aspek tindakan individu jika ia melibatkan arahan dan bukan sekadar makluman.

Secara ringkas, walau apa pun perkembangan terkini dan bebanan tugas yang ada apabila perlaksanaan PKP, tindakan segera masyarakat yang bekerja dari rumah dilihat positif dalam membantu usaha pihak pengurusan mencapai matlamat organisasi.

Patuh arahan dan tingkatkan kepekaan supaya kita sama-sama menang membendung wabak ini.

#KITAJAGAKITA



Pandemik COVID-19: Mengubah lanskap pemasaran buku

Oleh : Mohammad Dzulhisham Che Hassim



Menjelangnya bulan Mac membawa ke Disember setiap tahun merupakan pesta bagi penggiat industri buku yang mana pada ketika ini dibanjiri dengan pelbagai aktiviti perbukuan sehingga tempoh ini dianggap sebagai 'syurga' oleh syarikat penerbitan, ejen sastera, pengedar, kontraktor dan kedai buku untuk mengaut keuntungan.

Namun berbeza pada tahun ini apabila kesemua aktiviti perbukuan seperti pesta dan pameran buku dibatalkan akibat penularan wabak COVID-19 yang melanda dunia termasuk Malaysia. Pandemik global ini sekali gus telah memberikan kesan yang teruk kepada industri buku negara sehingga ada rumah penerbitan dan kedai buku yang terpaksa gulung tikar. Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) yang menjadi acara terhebat bagi pencinta buku juga menerima tempiasnya apabila buat pertama kalinya dibatalkan penganjurannya. Pembatalan PBAKL yang menggamit kunjungan melebihi dua juta pengunjung setiap tahun itu menjadi tamparan hebat kepada industri perbukuan negara.




Malah lebih menyedihkan di kala semua pemain industri sedang merencanakan pelbagai aktiviti perbukuan sempena pengiktirafan Kuala Lumpur World Book Capital (KLWBC) 2020 oleh UNESCO, segalanya tidak dapat dilaksanakan secara besar-besaran.

Platform konvensional penjualan buku sama sekali lumpuh akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan yang memaksa penghentian operasi serta merta dan menjadi titik tolak fenomena *domino's effect* dalam industri penerbitan.

MEDIUM DALAM TALIAN DIGERAKKAN

Biarpun industri buku Malaysia tidak sehebat dan segah industri buku di Jerman atau United Kingdom, namun pemain industri 'liga Malaysia' ini sebenarnya masih utuh dan mempunyai daya survival yang tinggi dikala pandemik global COVID-19 ini menyerang.



Beberapa bulan awal penguatkuasaan PKP menjadi tempoh paling sukar kepada semua industri termasuk buku. Bahagian menantikan kemunculan PBAKL yang sepatutnya diadakan pada 27 Mac hingga 5 April terbantut.

Namun di sebalik kekacauan yang membekalkan industri buku, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) bangkit menggerakkan platform dalam talian bagi menganjurkan PBAKL tahun ini demi menyelamatkan industri ini daripada pupus.

Umpama gendang perang dipalu, kesemua pemain industri tidak kira penerbit kecil atau yang berskala besar terus dengan drastik melakukan transformasi platform jualan dari konvensional kepada dalam talian bagi meneruskan kelangsungan bisnes selain menggalas kembali amanah memandaikan masyarakat dengan 'menjamu' minda rakyat dengan bahan bacaan berkualiti.

Bagi yang baru menceburkan diri dalam arena e-dagang pastinya terpaksa bertarikh laju untuk mengejar kepentasan industri digital ini. Tekad masa ini adalah untuk perlu nasi masing-masing selepas beberapa ketika terjejas.


INISIATIF PENERBIT UNIVERSITI MENEROBOS DUNIA DIGITAL

Ketika semua industri penerbitan menggerakkan jentera digital mereka, Penerbit Universiti juga turut sama bersaing. Walaupun sebagai sebuah penerbit yang kecil dan keuntungan bukanlah menjadi matlamat utama, Penerbit Universiti tidak terlepas dari tanggungjawab memastikan buku yang diterbitkan sampai ke kumpulan sasarnya.

Selepas sahaja PKP diumumkan kerajaan, pelajar UTeM khususnya mula bertanya bagaimana dengan akses mereka kepada bahan rujukan untuk beberapa tugas yang tertangguh. Permintaan inilah yang pada mulanya menjadi pencetus kepada Penerbit Universiti untuk meneroka ‘alam’ baru dalam aspek pemasaran buku.

Pelan pemasaran dalam talian digerakkan segera bagi memenuhi permintaan pelajar dengan melancarkan kedai buku dalam talian di beberapa platform marketplace terkemuka.

Buat pertama kalinya dalam sejarah, buku-buku terbitan universiti tersusun rapi di rak UTeM Bookstore di platform popular antaranya SHOPEE dan Google Play Books.



Medium promosi juga berubah apabila media sosial rasmi Penerbit UTeM menjadi alat penting dalam menghubungkan penerbit dan juga pembaca khususnya para pelajar.

Sekalipun pulangan tidaklah begitu lumayan namun sekurang-kurangnya tanggungjawab Penerbit Universiti terlaksana dengan berjaya memberikan akses kepada seluruh rakyat Malaysia termasuk pelajar UTeM untuk memperoleh bahan bacaan sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.

Kini, usaha memperkasakan platform dalam talian ini terus giat dilaksanakan Penerbit Universiti dan penerokaan peluang-peluang baharu dalam arena e-dagang ini juga terus digali dengan memikul hasrat ‘buku UTeM ada di mana-mana’ suatu hari nanti.

syamima_isia ★★★★★
Thank you penerbit UTeM! - Final year student fkm.
Kualiti produk baik Harga baik Penghantaran yang pantas Layanan penjual sangat baik

2020-06-17 20:56
Respon Penjual:
Terima kasih kerana berurusan dengan kami

rafeq_saleman ★★★★★
Terbaik..buku sesuai untuk lukisan kejuruteraan.

2020-07-10 06:56
Respon Penjual:
Terima kasih kerana berurusan dengan Penerbit UTeM.
Helpful?
mohadrinatashaharuzaman ★★★★★
Fast delivery from seller
Nice packaging
Will deal again next time
Penghantaran yang pantas Layanan penjual sangat baik

2020-07-05 22:03

sharifah_noorain ★★★★★
Terbaik...buku yang bermanfaat untuk tambah pengetahuan
Kualiti produk baik Harga baik Penghantaran yang pantas Layanan penjual sangat baik

2020-06-30 15:25
Respon Penjual:
Terima kasih kerana berurusan dengan Penerbit UTeM. Semoga mendapat manfaat dari buku ini.
Helpful?
syafiqahal ★★★★★
Buku ni Best!!Byk contoh ayat dan ada terjemahan ayat dim BM ● Arigatougozaimasu
Kualiti produk baik Harga baik Penghantaran yang pantas Layanan penjual sangat baik

2020-07-06 14:24

UTeM Terima Pengiktirafan The Malaysia Book of Records - “Longest Covid-19 Pandemic Poem”

Oleh: Fatonah Salehuddin

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mencipta sejarah apabila menerima pengiktirafan daripada The Malaysia Book of Records (MBOR) dengan tajuk rekod “Longest Covid-19 Pandemic Poem” menerusi penerbitan buku kumpulan puisi Merentas Gempita: Pandemik 2020, karya pemuisi tersohor Profesor Dr. Lim Swee Tin.

Penyerahan sijil pengiktirafan disampaikan oleh Pengarah Pembangunan Perniagaan MBOR, Jwan Heah Yeow Hooi kepada Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim pada majlis pelancaran buku tersebut di Auditorium Canselor, Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal pada 7 Julai 2020.

Profesor Datuk Wira Dr. Raha dalam ucapannya melahirkan rasa gembira dan bertuah atas pengiktirafan tersebut dan ia merupakan kejayaan berganda buat UTeM apabila berjaya menerbitkan sebuah buku karya kreatif mengenai pandemik Covid-19 yang merupakan isu utama dunia masa kini.



Beliau turut berharap buku kumpulan puisi Merentas Gempita: Pandemik 2020 dapat menjadi salah sebuah buku yang bermanfaat dan boleh dijadikan sumber rujukan mengenai pandemik Covid-19 pada masa akan datang.

Majlis turut dihadiri Pengurusan Tertinggi UTeM, Ketua Pegawai Maklumat UTeM, Mohd Isa Mohd Dom dan Pengarah Penerbit UTeM, Ts. Dr. Siti Nurul Mahfuzah Mohamad. Majlis diserikan dengan persembahan deklamasi puisi daripada buku Merentas Gempita: Pandemik 2020 oleh warga UTeM iaitu Profesor Madya Dr. Nurulfajar Abd. Manap, Dr. Amir Aris dan Muhamad Hazrul Md Esa dengan tajuk puisi “Sedang Memerhati” dan “Melihat”, disusuli persembahan khas oleh Profesor Dr. Lim Swee Tin dengan tajuk puisi “Di Hadapan Tanggungjawab”.



Aktiviti Sumbangan Bahan Bacaan Tingkatkan Koleksi Perpustakaan Laman Hikmah (PLH), UTeM

Oleh: Seksyen Monograf

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) dari semasa ke semasa menerima sumbangan dan hadiah berupa bahan bacaan yang memberi nilai tambah kepada koleksi Perpustakaan dan menyumbang kepada aktiviti pengajaran & pembelajaran, penyelidikan dan perundingan di Universiti. Bahan tersebut diperolehi melalui permohonan antara insitusi, pengajuran aktiviti dalam Universiti atau dengan kerjasama dengan agensi / orang awam.

Sebelum tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PLH telah mengadakan kerjasama dengan beberapa syarikat buku di Melaka dengan menempatkan kotak sumbangan bahan di Kedai Buku Thai Kuang, Popular Bookstore dan Kedai Buku Salleh Mohamed bermula 18 Mac hingga 9 Jun 2020. Aktiviti ini merupakan inisiatif PLH untuk meningkatkan koleksi Perpustakaan melalui sumbangan bahan bacaan daripada orang awam yang berkunjung ke premis tersebut. Selain itu, ketiga-tiga syarikat tersebut telah bermurah hati menyumbang bahan bacaan kepada PLH.

Sepanjang tempoh ini juga, PLH turut menerima sumbangan bacaan daripada Cik Rasida Abu Bakar, Pustakawan Kanan PLH. Secara keseluruhan dalam tempoh PKP sehingga Jun 2020, PLH telah menerima sumbangan bahan berjumlah 152 judul yang bernilai RM 3,369.95.

Bagi warga UTeM dan institusi luar yang berminat untuk menyumbangkan bahan bacaan kepada PLH boleh menghubungi Unit Koleksi UTeM, Hadiah & Pertukaran seperti di bawah :-

Nama	Email	No. Telefon
Mahadir bin Che Ali Pustakawan Kanan	mahadir@utem.edu.my	06-270 1197
Norfahrizan binti Juhari Pembantu Pustakawan Kanan	norfahrizan@utem.edu.my	06-270 1187



Thai Kuang Bookstore

Kedai Buku Salleh Mohamed


Popular Bookstore

Merentas **GEMPITA** PANDEMIK 2020

Oleh: Fatonah Salehuddin & Faradila Md Yusof

Tragedi Pandemik Covid-19 meninggalkan kesan mendalam dalam kehidupan masyarakat negara ini. Ini apabila pada penghujung Disember 2019, dunia dikejutkan dengan satu wabak penyakit yang mula dikesan di daerah Wuhan, Wilayah Hubei, China. Dengan pantas penyakit tersebut merebak ke seluruh dunia termasuk Malaysia.

Wabak penyakit Coronavirus atau Covid-19 akhirnya telah mencipta sejarah baharu dalam negara apabila kerajaan terpaksa mengambil langkah drastik dengan menghentikan semua operasi secara terbuka iaitu dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan dilanjutkan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP). Kini, menerusi segala usaha pihak kerajaan, barisan hadapan dan kerjasama seluruh rakyat Malaysia, kita telah semakin berjaya menangani penularan penyakit Covid-19 dengan lebih serius.



Situasi dunia ini telah mencetuskan ilham kepada pemuisi tersohor negara, Profesor Dr. Lim Swee Tin untuk mengabadikan tragedi Covid-19 dengan menghasilkan 57 buah puisi khusus mengenai pandemik itu. Beliau merupakan seorang pemuisi terkenal yang juga pemenang S.E.A Write Award 2000, satu penghargaan tertinggi dalam bidang kesusasteraan di Asia Tenggara oleh kerajaan Diraja Thailand. Beliau juga telah menghasilkan lebih 40 kumpulan puisi dengan lebih 180 buah antologi yang memuatkan karya-karyanya.

Menurut Profesor Dr. Lim Swee Tin buku ini adalah buah tangan kepada semua rakyat Malaysia dan pasukan barisan hadapan yang berjaya melalui detik-detik sukar dalam menangani penularan pandemik ini. Segala momen yang berlaku sejak Covid-19 mula merebak dilakarkan menjadi puisi-puisi indah dan penuh puitis yang sememangnya tidak jemu untuk dibaca.

Puisi "Seketika Bagaikan Terdiam" benar-benar mengimbau situasi awal semasa penularan Covid-19. Dunia ibarat terhenti apabila segala sempadan, pintu negara dikunci, segala aktiviti di ruang udara, laut dan darat terhenti, dan tumpuan beralih kepada hospital dan perubatan, hingga tercetusnya "norma baharu". Di dalam puisi "Normal Baharu" bait "... ini garis pemisah peradaban manusia, lambaikan tangan ke zaman lama ..." begitu sinonim dengan kita apabila kini segalanya berubah kerana kita perlu mengikut norma baharu dalam pelbagai aktiviti harian.

Buku ini boleh didapati secara dalam talian di [utembooks](#) online, Shopee, MohBeli, serta walk in di Penerbit dan kedai buku terpilih sekitar Melaka.



Menangi Wang Tunai RM1,000 menerusi Pertandingan Video Deklamasi Puisi Merentas Gempita: Pandemik 2020

Oleh: Fatonah Salehuddin

Sempena pelancaran buku Kumpulan Puisi Merentas Gempita: Pandemik 2020 karya Profesor Dr. Lim Swee Tin, Penerbit Universiti menganjurkan Pertandingan Video Deklamasi Puisi yang bermula 7 Julai 2020 hingga 15 Ogos 2020.

Pertandingan ini menawarkan hadiah wang tunai sehingga RM1,000 bagi tempat pertama, RM750 tempat kedua, RM500 tempat ketiga, RM500 Video Suntingan Terbaik serta RM500 Video "Like" dan "Share" Tertinggi.

Menurut Pengarah Penerbit UTeM, Ts. Dr. Siti Nurul Mahfuzah Mohamad, penganjuran pertandingan bertujuan mempromosikan penerbitan buku serta memberi peluang kepada warganegara Malaysia untuk mengetengahkan bakat mendeklamasi puisi yang seterusnya mengangkat citra positif universiti kepada masyarakat.

Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia berumur 13 tahun dan ke atas. Syarat lanjut pertandingan boleh didapati dengan melayari laman sesawang Penerbit UTeM di www.penerbit.utem.edu.my

The poster features a green background with various icons like speech bubbles, a heart, and a thumbs up. At the top, it shows the UTeM logo and a '20 ULANG TAHUN' banner. The main title 'PERTANDINGAN VIDEO DEKLAMASI PUSSI' is written in large, colorful, bubbly letters. Below it, it says 'KUMPULAN PUSSI MERENTAS GEMPITA: PANDEMIK 2020'. It also mentions 'ANJURAN PENERBIT UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)' and 'Tarikh Pertandingan: 7 JULAI 2020 HINGGA 15 OGOS 2020'. A red box lists the prizes: Tempat Pertama (RM 1,000 + Sijil Penyertaan), Tempat Kedua (RM 750 + Sijil Penyertaan), Tempat Ketiga (RM 500 + Sijil Penyertaan), Video Suntingan Terbaik (RM 500 + Sijil Penyertaan), and Video "Like" dan "Share" Tertinggi (RM 500 + Sijil Penyertaan). To the right is a QR code and a small illustration of a person at a computer. At the bottom, it provides the application form link (<https://forms.gle/XYXzqJehHVKxiQQF6>), terms and conditions page (penerbit.utem.edu.my), and contact details for further inquiries.

Pertanyaan dan Maklumat lanjut:

Puan Faradila Md Yusof (faradila@utem.edu.my/ 019-6695534)

Puan Fatonah Salehuddin (fatonah@utem.edu.my/ 017-3030078)

Majlis Hi-Tea & Apresiasi Staf 2020

Oleh : Hayani Abu Yamin

12 Mac, 2020 adalah tarikh bersejarah dan disaksikan oleh The Balairong di Tasik Ayer Keroh, Melaka bila mana Majlis Hi-Tea & Apresiasi Staf 2020 telah berlangsung dengan suasana santai dan sangat meriah. Hampir kesemua staf dari pejabat Pusat Perkhidmatan Pengetahuan Dan Komunikasi (PPPK) dan Pejabat Ketua Pegawai Maklumat (Pej CIO) hadir dan meluangkan masa bersama-sama untuk meraikannya.

Majlis anjuran Kelab Kebajikan dan Sukan (K-SCOM) ini telah lama dirancang dan disusun. Beberapa siri perbincangan telah dibuat oleh kelab untuk memastikan perjalanan majlis tersusun dan lancar. Alhamdulillah, akhirnya dengan persetujuan pihak pengurusan PPPK serta sokongan daripada Penaug kelab, majlis ini telah adakan pada 12 Mac 2020 bertempat di The Balairong, Tasik Ayer Keroh.



Setelah mengambil kira semua keperluan dan logistik, The Balairong dipilih sebagai lokasi penganjuran yang amat bersesuaian, bersebelahan dengan tasik yang dapat membangkitkan suasana tenang, nyaman dan tenteram.

Penganjuran majlis ini adalah sebagai tanda penghargaan kepada semua staf yang telah memberikan kerjasama, sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada semua aktiviti-aktiviti anjuran kelab. Disamping itu ianya juga adalah sebagai ruang untuk mengeratkan ukhwah dan silaturrahim sesama staf.

Menariknya, majlis yang bertemakan flora ini, mendapat sokongan padu daripada semua staf dengan mengenakan busana atau fesyen mengikut tema yang ditetapkan oleh penganjur.





Majlis dimulakan seawal jam 2.00 petang, bermula dengan sesi pendaftaran staf. Setiap staf menerima goodies sebagai cenderahati. Majlis diteruskan dengan bacaan doa dan ucapan alu-aluan daripada penaung, penasihat dan pengurus kelab.

Pelbagai acara menarik telah disusun dengan sebaiknya. Acara diselang-selikan di antara games, penyampaian hadiah dan cabutan nombor bertuah. Majlis turut dimeriahkan dengan alunan muzik oleh DJ jemputan khas.

Antara aktiviti yang dianjurkan adalah Majlis Sambutan Hari Lahir Staf, Majlis Perpisahan Staf, games atau permainan, penyampaian hadiah kumpulan K-SCOM, penyampaian hadiah bagi setiap aktiviti anjuran kelab, cabutan nombor bertuah serta sesi karaoke.

Turut menjadi tumpuan adalah pertandingan peragaan pakaian bagi staf lelaki dan wanita. Seramai 6 orang staf telah disenarai pendek, 3 orang bagi kategori lelaki dan 3 orang bagi kategori wanita. Yang menariknya penentuan pemenang ditentukan daripada hasil sorakan semua staf.



Majlis turut dimeriahkan dengan acara bertukar-tukar hadiah sesama staf. Untuk acara ini, setiap staf membawa hadiah masing-masing dan akan bertukar hadiah dengan staf lain yang dicabut namanya secara rawak. Aktiviti ini adalah sebagai satu simbolik dan mengukuhkan lagi ukhwah dan silaturrahim yang telah sekian lama terjalin.

Majlis berlangsung sehingga hampir jam 6.00 petang. Staf mengambil peluang untuk bergambar kenang-kenangan dan sebahagiannya tidak melepaskan peluang untuk menyumbangkan suara berkaraoke. Rata-ratanya staf amat gembira dan berpuas hati dengan acara yang telah disediakan. Staf juga turut membawa pulang pelbagai hadiah cabutan bertuah yang amat lumayan termasuklah barang elektrik dan peralatan rumah hasil sumbangan kelab.

Pihak kelab ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada semua staf yang telah hadir dan sama-sama menjayakan majlis ini. Jutaan terima kasih kepada jawatankuasa K-SCOM sesi 2018-2020 yang telah memberikan komitmen dan kerjasama yang amat baik dalam mengurus dan memastikan perjalanan majlis lancar daripada mula hingga selesai majlis.



Pihak kelab juga ingin mengucapkan terima kasih kepada individu atau penaja-penaja yang telah memberi sumbangan dan menaja hadiah bagi cabutan nombor bertuah. Moga majlis seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan berharap hubungan mesra yang terjalin sentiasa diperkuatkan lagi bagi meningkatkan motivasi kerja dan kelancaran operasi dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan.

Majlis Meraikan Kecemerlangan Prestasi Staf Perpustakaan Laman Hikmah


Oleh : Mez Zelina Yusof

TAHANIAH diucapkan kepada empat penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) iaitu Harulrizam Mohamed@Ghazali, Norazizah Md Tahir, Zulkarnaen Mahat dan Ahmad Tarmizi Abdul Hadi.

Bagi menghargai dan meraikan kecemerlangan mereka, PLH telah mengadakan Majlis Penyerahan Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 26 Jun 2020 bertempat di Ruang Legar Bahagian Pentadbiran, PLH. Majlis turut dihadiri oleh En. Mohd Isa Mohd Dom, Ketua Pegawai Maklumat. Majlis penyampaian anugerah disempurnakan oleh En. Azman Hj. Ayup, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PLH.

Semoga anugerah kecemerlangan ini akan dapat menyuntik semangat kepada rakan sekerja yang lain untuk turut sama menyumbang bakti dan memberikan komitmen yang penuh bagi memastikan kecemerlangan PLH khususnya dan Universiti umumnya terus menjadi aspirasi utama.





“THE UNSUNG HERO”

Oleh: Mohd Mawardi Badruddin

Agensi Pengurusan Bencana Negara atau National Disaster Management Agency (NADMA) diwujudkan pada 11 Mei 1997 oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Pendana Menteri. Arahan penubuhan agensi ini adalah akibat daripada tragedi keruntuhan Kondominium Highland Tower di Hulu Klang pada 11 Disember 1993 yang bertujuan untuk menggariskan dasar dan mekanisme pengurusan bencana secara menyeluruh termasuk peranan dan tanggungjawab Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas berlaku sesuatu bencana supaya pengembangan sumber dapat disepadukan bagi mengelakkan pembaziran, konflik serta pertindihan peranan.

Atas dasar kepentingan keselamatan semua pihak, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) menerusi Unit Informasi dan Promosi, Seksyen Rujukan telah menganjurkan Talkshow@ Library: ‘The Unsung Hero’ pada 11 Mac 2020, jam 11.00 pagi bertempat di Ruang 24 Jam, Perpustakaan Laman Hikmah. Talkshow kali ini menampilkan Ketua Penolong Pengarah Kanan NADMA iaitu Kolonel Hj. Mohd Sakri Hj. Hussin yang berkongsi maklumat tentang penubuhan NADMA, fungsi dan peranan, struktur organisasi, jenis bencana, operasi mencari dan menyelamat dan lain-lain lagi.

Selain itu, Kolonel Hj. Mohd Sakri Hj. Hussin turut berkongsi tayangan slaid kejadian bencana dan pengalaman beliau sepanjang menjalankan tugas sebagai pegawai NADMA. Antara perkongsian tersebut adalah tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, Ulu Klang pada 6 Disember 2008, banjir besar atau bah Kuning yang melanda Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor pada Disember 2014. Perkongsian yang menarik dan dramatik adalah bagaimana beliau dan rakan-rakan terlibat dalam menjayakan misi mendapatkan Kotak Hitam pesawat Malaysia Airlines (MH17) yang ditembak jatuh di Wilayah Donetsk, Timur Ukraine pada 27 Julai 2014 yang mengorbankan 298 penumpang.

Talkshow ini telah berjaya menarik kehadiran seramai 221 orang yang terdiri daripada staf dan pelajar UTeM, staf PERPUSTAM, staf Kolej Komuniti Selandar, staf dan pelajar Business School, Kolej Yayasan Saad. Turut hadir adalah Ketua Pegawai Maklumat UTeM, Mohd Isa Mohd Dom dan Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PLH, Azman Hj. Ayup.



Staf PLH dan PU Anjur Projek Teman Pili Bomba

Oleh: Zaidi Saad

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Bangunan Laman Hikmah mengadakan projek Teman Pili Bomba iaitu aktiviti gotong royong membersih kawasan sekitar dan mengecat Pili Bomba di Bangunan Laman Hikmah pada 19 Disember 2019. Aktiviti ini melibatkan kerjasama gabungan antara Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) seramai 12 orang staf dan Penerbit Universiti (PU) seramai 10 orang staf.

Objektif utama aktiviti ini adalah untuk mengecat kembali pili bomba yang sedia ada sebanyak 4 unit dengan cat berwarna kuning. Di samping itu, turut memastikan kawasan persekitaran pili bomba dibersihkan agar tidak terhalang oleh sebarang objek. Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PKKP) UTeM telah menyumbang sebanyak 2 tin cat berwarna kuning berserta peralatan mengecat bagi aktiviti ini.

Aktiviti dimulakan pada jam 9.30 pagi dengan membersihkan kawasan pili bomba, membuang rumput rampai serta tumbuhan yang ada di sekitar pili tersebut. Kerja mengecat dilakukan selepas kawasan pili bomba dibersihkan. Aktiviti membersih dan mengecat telah berjaya diselesaikan pada jam 11.30 pagi.

Sesungguhnya kerja gotong-royong begini akan dapat merapatkan ukhwah di kalangan penghuni Bangunan Laman Hikmah di samping memberi kesedaran menjaga kebersihan di kawasan persekitaran agar terhindar daripada sebarang masalah.



Mesyuarat Agung Tahunan LISTAC Sesi 2020/2022

Oleh Rasida Abu Bakar

31 Januari 2020, tarikh keramat kepada Kelab Staf Perpustakaan (LISTAC) dimana ahli Jawatankuasa bagi sesi 2020/2021 dipilih oleh staf PLH. Sebelum itu, pemilihan ahli jawatankuasa LISTAC 2020/2022 telah diadakan secara dalam talian melalui kaedah e-voting bagi memilih 10 orang calon jawatankuasa. Keputusan rasmi telah menobatkan Rasida Abu Bakar sebagai Pengerusi baharu LISTAC, menggantikan Mohd Ikbar Abdul Jabbar manakala jawatan Naib Pengerusi pula disandang oleh Fauziah Hassan.

LISTAC telah ditubuhkan pada Ogos 2002. Mesyuarat Agung kali pertama telah diadakan pada 23 Ogos 2002 yang dianggotai oleh 18 orang staf Perpustakaan ketika itu. Seperti kelab staf lain, objektif utama penubuhan LISTAC adalah bertujuan mengambil berat dan prihatin tentang kebijakan staf, memupuk persefahaman dan merapatkan silaturrahim di kalangan staf. Antara aktiviti LISTAC yang telah diadakan seperti hari keluarga, program kerohanian, sumbangan kepada ahli sempena hari perkahwinan dan kegiatan sukan.

Mesyuarat Agung Tahunan LISTAC kali ke 13 yang diadakan pada 31 Januari 2020 di Bilik Tayangan, Perpustakaan Laman Hikmah, turut dihadiri oleh penaung LISTAC iaitu Mohd Isa Mohd Dom, Ketua Pegawai Maklumat. Dalam ucapan aluannya, beliau berharap barisan ahli jawatankuasa baharu LISTAC lebih aktif dalam melaksanakan aktiviti yang merapatkan ukhwah antara staf di samping merancang untuk menjana semula kewangan LISTAC.

Pada majlis yang sama juga diadakan acara memotong kek sempena hari lahir semua staf Perpustakaan.

BARISAN AJK LISTAC 2020/2022

- RASIDA ABU BAKAR
- FAUZIAH HASSAN
- MOHD MAWARDI BADRUDDIN
- ZAIDI SAAD
- SUHADAWATI AHMAD
- NURUL AKMAR MEHAT
- ZULKARNAEN MAHAT
- AHMAD ABU BAKAR
- MOHD SYAHRIZAL MOHD RAZALI
- NURUL ATIKA HARUDIN



SENARAI PENGERUSI LISTAC

AZMAN HJ. AYUP Pengerusi LISTAC 2002/2004	1		MOHD NASIR HASHIM Pengerusi LISTAC 2011/2012	5	
MAHADIR CHE ALI Pengerusi LISTAC 2005/2007	2		MOHD RAZIF DZULKIPLI Pengerusi LISTAC 2013/2014	6	
NURUL AKMAR MEHAT Pengerusi LISTAC 2007/2009	3		SALLEH MOHD NOOR Pengerusi LISTAC 2014/2015	7	
HARULRIZAM MOHAMED@GHAZALI Pengerusi LISTAC 2009/2010	4		NOR ILYAH OTMAN Pengerusi LISTAC 2015/2017 Pengerusi ganti apabila Salleh Mohd Noor meletak jawatan	8	
RASIDA ABU BAKAR Pengerusi LISTAC 2020/2022	10		MOHD IKBAR ABDUL JABBAR Pengerusi LISTAC 2018/2020	9	





AGM KSCOM 2020-2022

Oleh: Azilina Md Buang

Staf Pusat Pengetahuan Perkhidmatan dan Komunikasi (PPPK) berkumpul bersama untuk memilih ahli Jawatankuasa K-SCOM bagi sesi 2020/2022 pada 16 Mac 2020.

Kelab Kebajikan dan Sukan Pusat Komputer atau dikenali sebagai K-SCOM adalah kelab yang ditubuhkan bertujuan untuk merancang, mengurus, menyelaras dan melaksanakan pelbagai aktiviti dengan tujuannya adalah untuk mengeratkan silaturrahim dan juga menjaga kebajikan di kalangan ahli.

K-SCOM bermatlamat:

- Menjaga kebajikan dan mengeratkan ukhwah di kalangan ahli
- Menggerakkan pelbagai aktiviti untuk manfaat ahli
- Menyebarluaskan penerangan dan maklumat mengenai aktiviti dan hal ehwal yang berkaitan dengan kepentingan ahli

Jawatankuasa bagi tahun 2020-2022 adalah berikut:

Pengerusi	:	Azilina Binti Md Buang
Timbalan Pengerusi	:	Khairin Bin Abdullah
Setiausaha	:	Norhanim Binti Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Norliza Binti Baba
Bendahari	:	Haironi Bin Fadzilah
Penolong Bendahari	:	Hazilah Binti Hamid
Ketua Biro Agama dan Kerohanian	:	Mohammad Hadzri Bin Ahmad
Ketua Biro Tugas Khas	:	Asnor Hadi Bin Azian
Ketua Biro Penerbitan	:	Ahmad Zaki Bin Abdullah
Ketua Biro Kebajian dan Pelancongan	:	Syammah Binti Mohamad Hata
Ketua Biro Sukan dan Aktiviti	:	Nur Jannah Binti Hasimi
Pemeriksa Kira-kira 1	:	Hadzli Zul Bin Hamran
Pemeriksa Kira-kira 2	:	Rapiza Binti Ishak





Clear Desk dan Clear Screen

Semua maklumat dalam apa jua bentuk media hendaklah disimpan dengan teratur dan selamat bagi mengelakkan kerosakan, kecurian atau kehilangan. Clear Desk dan Clear Screen bermaksud tidak meninggalkan bahan-bahan yang sensitif terdedah sama ada atas meja pengguna atau di paparan skrin apabila pengguna tidak berada di tempatnya.

Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:-

1. Gunakan kemudahan password screen saver atau log keluar apabila meninggalkan komputer;
2. Bahan-bahan sensitif hendaklah disimpan dalam laci atau kabinet fail yang berkunci; dan
3. Memastikan semua dokumen diambil segera dari pencetak, pengimbas, mesin faksimili dan mesin fotostat.

Sehubungan dengan itu, semua staf dan pelajar adalah tertakluk keatas pematuhan Dasar Keselamatan ICT UTeM. Dokumen lengkap berkenaan Dasar Keselamatan ICT UTeM boleh dicapai di <https://pppk.utem.edu.my/ms/rujukan/polisi/dasar-keselamatan-ict-utem.html>

Semua maklumat dalam apa jua bentuk media hendaklah disimpan dengan teratur dan selamat bagi mengelakkan kerosakan, kecurian atau kehilangan. *Clear Desk* dan *Clear Screen* bermaksud tidak meninggalkan bahan-bahan yang sensitif terdedah sama ada atas meja pengguna atau di paparan skrin apabila pengguna tidak berada di tempatnya.

Perkara-perkara yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:-

- Gunakan kemudahan *password screen saver* atau log keluar apabila meninggalkan komputer;**
- Bahan-bahan sensitif hendaklah disimpan dalam laci atau kabinet fail yang berkunci; dan**
- Memastikan semua dokumen diambil segera dari pencetak, pengimbas, mesin faksimili dan mesin fotostat.**

Clear Desk & Clear Screen



Tahniah

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2019

PEJABAT KETUA PEGAWAI MAKLUMAT



Nama : JORAFIZA BINTI JUKI
No. staf : 00686
Jawatan : PEMBANTU TADBIR KANAN

PUSAT PERKHIDMATAN PENGETAHUAN DAN KOMUNIKASI



Nama : RAFIZAH BINTI HJ MAHFOZ
No. staf : 00501
Jawatan : PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT KANAN



Nama : SYAMIMAH BINTI MOHAMAD HATA
No. staf : 00951
Jawatan : PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT KANAN



Nama : WAN SYAFIDATUL IMA BINTI WAN OMAR
No. staf : 02533
Jawatan : PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT



Nama : ROZANA BINTI ABU BAKAR
No. staf : 00926
Jawatan : PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT KANAN



Nama : SITI ZURAH BINTI MOHD NASIR
No. staf : 00154
Jawatan : PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN



Nama : SUHAIMI BIN OMAR
No. staf : 01567
Jawatan : JURUTEKNIK



Tahniah

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2019

PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH




Nama : HARULRIZAM BIN MOHAMED @ GHAZALI
No. Staf : 01510
Jawatan : PUSTAKAWAN KANAN



Nama : NORAZIZAH BINTI MD TAHIR
No. Staf : 02581
Jawatan : PUSTAKAWAN



Nama : ZULKARNAEN BIN MAHAT
No. Staf : 00086
Jawatan : PEMBANTU PUSTAKAWAN KANAN (KUP)



اوینیتیکل ملکا
NAMA STAF
UTM
Nama : AHMAD TARMIZI BIN ABDUL HADI
No. Staf : 02073
Jawatan : PEMBANTU PUSTAKAWAN

PENERBIT UNIVERSITI



Nama : MOHAMMAD DZULHISHAM BIN CHE HASSIM
No. staf : 02432
Jawatan : PEGAWAI PENERBITAN



Nama : AZMAN BIN AMIR
No. staf : 01619
Jawatan : PENOLONG PUSTAKAWAN

Selamat Datang

STAF BARU

1. **SYAFIQAH BINTI ABDUL JALIL**
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (KONTRAK)
GRED F41
TARIKH LAPOR DIRI : 18 MEI 2020

2. **ZULFA WAHIDA BINTI AHMAD**
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (KONTRAK)
GRED F41
TARIKH LAPOR DIRI : 18 MEI 2020

3. **MOHAMAD DAIM BIN YAKUB**
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (TETAP)
GRED FA29
TARIKH LAPOR DIRI : 18 MEI 2020

Sekalung Budi 
اونیورسیتی
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

WAN MOHD PAZRI BIN WAN OTHMAN
PEMBANTU MAKMAL
GRED C19

TEMPOH BERKHIDMAT DARI 6 JANUARI 2020 HINGGA 29 JUN 2020
BERPINDAH DARI PENERBIT UNIVERSITI (PU) KE PUSAT BAHASA DAN
PEMBANGUNAN INSAN (PBPI)

25 Kosa Kata Komputer Bahasa Inggeris yang Penting untuk Diketahui

Di bawah adalah 25 frasa penting yang perlu diketahui di abad ke-21 ini.

1. Algorithm

Algorithm adalah satu set arahan. Pengaturcara komputer mencipta algorithm untuk membolehkan laman *web*, aplikasi atau program melakukan tugas tertentu.

2. App

App, atau *application* (aplikasi), adalah istilah yang mula dipopularkan oleh *Apple*. Ia merujuk kepada program komputer yang biasanya ditemui dalam telefon pintar.

3. Bite/Byte

Unit ukuran untuk data. Anda mungkin melihat variasi seperti *megabyte* (1 juta *byte*) atau *gigabyte* (1 billion *byte*). Ini merujuk kepada jumlah storan data yang ada pada peranti.

4. Bug

Bug merujuk kepada isu perisian komputer. Ini boleh menyebabkan pesanan ralat atau maklumat digodam. Biasanya, anda perlu menjalankan program “*debugging*” untuk menyelesaikan isu itu.

5. Cloud

Satu lagi istilah untuk *Internet*. “*Cloud-based storage*” bermaksud data disimpan dalam talian. Ini akan menjimatkan ruang simpanan dalam peranti komputer.

6. Computer

Secara teknikal, ini hanya merujuk kepada mesin yang boleh diprogramkan. Tetapi penutur asli bahasa Inggeris biasa menggunakan istilah ini untuk merujuk kepada keseluruhan peranti komputer peribadi (PC), termasuklah paparan monitor, papan kekunci, tetikus atau komputer riba.

7. Cookie

Maklumat yang disimpan oleh pelayar laman *web* selepas anda melayari laman *web*. Ia menyimpan maklumat rekod aktiviti anda di laman *web* itu (seperti nama pengguna anda atau barang di carta pembelian dalam talian).

8. CSS

CSS adalah ringkasan kepada *Cascading Style Sheets*. Maklumat ini mengaturcara susun atur dan reka bentuk laman *web*. Sebagai contoh, CSS mengaturcara saiz dan warna tulisan di laman *web*.

9. Download

Kata kerja ini merujuk kepada mengambil dan menyimpan maklumat dari *Internet* ke peranti anda. Ia juga boleh digunakan sebagai kata nama merujuk kepada maklumat yang boleh dimuat turun. Sebagai contoh, anda mungkin pernah melihat frasa seperti “*Click here to get your free download*” dalam laman *web*.

10. HTML

HTML adalah ringkasan kepada *Hypertext Markup Language*, di mana ia memberikan maklumat yang dipaparkan di laman *web*. Sebagai contoh, ini mengaturcara perkataan yang dipaparkan di laman utama sesebuah laman *web*.

11. Internet

Rangkaian dalam talian yang menghubungkan kesemua peranti yang berdasarkan *web*.

12. IP Address

Kod unik yang mengenalpasti peranti dalam *Internet*.

13. Keyboard

Papan kekunci fizikal yang membolehkan anda menaip maklumat ke dalam komputer.

14. Keyword

Frasa pendek yang menggambarkan imej, laman *web* atau maklumat ringkas. Sebagai contoh, frasa atau istilah yang anda taip di enjin carian adalah dianggap *keyword*.

15. Laptop

Peranti komputer yang boleh dibawa kemana sahaja dengan mudah.

16. Monitor

Satu lagi istilah untuk paparan fizikal komputer.

17. Password

Susunan karakter yang unik yang membolehkan anda mengakses komputer, program atau laman *web* dan menghalang orang lain daripada mengakses maklumat anda. Sebagai contoh, anda perlukan *password* untuk masuk ke akaun *Facebook* anda.

18. Screenshot

Screenshot (kata nama) adalah gambar digital untuk imej di paparan komputer atau telefon pintar. Anda juga boleh *screenshot* (kata kerja) atau “*take a screenshot*,” yang bermakna anda mengambil satu daripada gambar itu.

19. Software

Maklumat maya yang membuat fungsi komputer. Ini merujuk kepada kod yang mencipta program komputer.

20. Spam

Spam (ya, ia dinamakan sempena produk daging dalam tin) merujuk kepada emel yang anda tidak mahu namun anda dapat. Biasanya, ini adalah emel sampah yang anda tidak mahu daftar atau tidak mahu baca.

21. Toolbar

Toolbar biasanya berada di bahagian atas pelayar web anda (cth. *Internet Explorer* atau *Google Chrome*), dengan ikon yang membantu anda mengawal apa yang anda lihat. Biasanya anda akan boleh mencari ikon yang membantu anda ke halaman seterusnya, halaman sebelumnya atau menyegarkan (*refresh*) kembali laman web itu. Anda juga boleh menaip alamat laman web di sini.

22. URL

Ini adalah alamat yang akan membawa anda ke laman web yang tertentu di dalam *Internet*. Biasanya ia bermula dengan www. dan berakhir dengan .com (atau .edu atau .gov).

23. Website


Ini adalah halaman web tunggal. Apabila anda memasukkan URL, anda akan dibawa ke laman web itu. *FluentU* adalah salah satu contoh website. (URLnya adalah www.fluentu.com.)

24. Wi-Fi

Wi-Fi membolehkan komunikasi tanpa wayar. Apabila anda menyambung ke “rangkaian *Wi-Fi*”, anda boleh mengakses *Internet* tanpa perlu menyambungkan peranti anda ke sambungan sistem yang berdasarkan wayar.

25. Zip

Fail *Zip* adalah fail yang kecil dan dimampatkan. Fail ini menyimpan maklumat dengan kurang data berbanding fail tradisional. Apabila anda memuat turun fail *zip*, anda memerlukan program untuk “*unzip*” fail itu supaya anda boleh mengakses maklumatnya.





جامعة ماليزيا التقنية ملاكا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENERBIT UTeM Press

Laman Sesawang : www.utem.edu.my/penerbit
Kedai Buku Atas Talian : utembooks.utem.edu.my
Emel : penerbit@utem.edu.my